

Pengusaha bengkel dipenjarakan setahun kerana curi 'dumper bucket' lori milik pelanggannya

SIBU: Mahkamah Majistret semalam menjatuhkan hukuman penjara setahun terhadap seorang pengusaha bengkel atas pertuduhan mencuri 'dumper bucket' lori milik pelanggannya.

Hii Chung Hua, 43, diperintah oleh mahkamah menjalani hukuman penjara itu bermula dari tarikh dia ditangkap, 26 Julai 2024.

Berdasarkan pertuduhan, Hii dituduh mencuri 'dumper bucket' lori milik seorang pelanggannya pada 16 Julai 2024, jam lebih kurang 1.55 petang dari sebuah bengkel di Lorong Industri Permata 6C, Sibu Jaya.

Sehubungan itu, tertuduh telah melakukan kesalahan yang boleh dihukum di bawah Seksyen 379A(1) Kanun Keseksaan, yang sabit kesalahan hendaklah dipenjarakan tidak kurang setahun dan tidak lebih tujuh tahun dan juga denda.

Mengikut fakta kes, pada 20 Januari 2024, pengadu telah menghantar lori untuk

dibaiki di sebuah bengkel milik tertuduh.

Pada 23 Julai 2024, kira-kira jam 11 pagi, pengadu tiba di bengkel untuk mengambil lori tersebut.

Namun 'dumper bucket' lori milik pengadu telah hilang dan pengadu cuba menghubungi tertuduh, namun tidak dijawab.

Pengadu kemudian meneliti rakaman kamera litar tertutup (CCTV) dari bengkel sebelah dan mendapati pada 16 Julai 2024, jam lebih kurang 1.52 petang, 'dumper bucket' milik pengadu telah dibawa menggunakan sebuah trak.

Pengadu kemudian membuat laporan polis dan kerugian dianggarkan RM25,000.

Pada 26 Julai 2024, jam lebih kurang 4.05 petang, tertuduh telah ditahan oleh pihak polis.

Siasatan kemudian mendapati tertuduh telah menjual 'dumper bucket' lori milik pengadu tanpa kebenaran.